

## **FASA KETIGA BANCII TERTANGGUH (SINAR HARIAN, 12 OGOS 2010, KUALA LUMPUR, S7)**

Terima kasih atas keprihatinan yang diberikan kepada Banci Penduduk dan Perumahan, Malaysia, 2010.

Sebagaimana yang tuan sedia maklum, Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia, 2010 sedang dilaksanakan mulai pada 6 Julai sehingga 22 Ogos 2010. Operasi pembancian dijalankan melalui tiga fasa iaitu Fasa Pertama bermula pada 6 Julai sehingga 21 Julai, Fasa Kedua mulai 22 Julai hingga 6 Ogos dan Fasa Ketiga mulai 7 Ogos hingga 22 Ogos.

Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia ini merupakan projek besar kerajaan yang dijalankan sekali dalam tempoh sepuluh tahun. Bagi memastikan ia berjalan dengan lancar, perancangan dan pelaksanaan banci ini turut melibatkan kerjasama antara kementerian, jabatan dan agensi lain di bawah persekutuan dan negeri. Semua keperluan banci dan sumber kewangan yang diperolehi telah disalurkan kepada agensi yang terlibat. Bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, operasi pembancian adalah di bawah tanggungjawab Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). Kawasan tempat pengadu iaitu Sentul berada di bawah tanggungjawab Penolong Pesuruhjaya Kawasan Batu. Bagi kawasan ini, seramai 31 orang penyelia dan 192 pembanci telah dilantik. Untuk makluman, penyediaan baucar bagi pembayaran gaji kepada pembanci kawasan tersebut oleh DBKL telah disediakan mengikut tempoh yang ditetapkan.

Namun begitu, pihak kami telah dimaklumkan oleh pihak bank bahawa pembayaran tidak dapat dibuat kerana terdapat masalah seperti nombor akaun tidak sah (tidak *valid*), akaun tidak aktif, akaun tidak dapat dikesan dan sebagainya. Ini turut berlaku kepada akaun pengadu dan beberapa pembanci dan penyelia lain. Justeru itu, bagi mengatasi masalah ini, pembayaran gaji kepada pengadu telah dibuat melalui cek dan pengadu telah menerima pembayaran gaji ini pada 13 Ogos 2010 yang lalu.

Pihak Jabatan mengucapkan terima kasih atas sokongan yang diberikan kepada Banci Penduduk dan Perumahan, Malaysia, 2010. Untuk sebarang pertanyaan, sila e-mel ke [banci2010@stats.gov.my](mailto:banci2010@stats.gov.my) atau melalui talian percuma 1-800-88-7828.

**ISMAIL YUSOFF**

Timbalan Pesuruhjaya

b/p : Pesuruhjaya

Banci Penduduk dan Perumahan, Malaysia, 2010